



23 Disember 2016
23 December 2016
P.U. (A) 353

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (KONVENSYEN MENGENAI BANTUAN TADBIR BERSAMA DALAM PERKARA CUKAI) 2016

INCOME TAX (CONVENTION ON MUTUAL ADMINISTRATIVE ASSISTANCE IN TAX MATTERS) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (KONVENSYEN MENGENAI BANTUAN TADBIR
BERSAMA DALAM PERKARA CUKAI) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 132B Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai) 2016**.

Bantuan tadbir bersama dalam perkara cukai

2. Diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan kerajaan yang telah menandatangani Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai untuk menggalakkan semua bentuk bantuan tadbir dalam perkara berkenaan dengan apa-apa jenis cukai dan adalah suai manfaat bahawa perkiraan itu hendaklah dikuatkuasakan.

JADUAL

KONVENSYEN MENGENAI BANTUAN TADBIR BERSAMA DALAM PERKARA CUKAI

Teks dipinda oleh peruntukan Protokol yang meminda Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai, yang mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2011.

Mukadimah

Negara-negara anggota Majlis Eropah dan negara-negara anggota Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), penandatangan Konvensyen ini,

Mengambil kira bahawa perkembangan pergerakan antarabangsa orang, modal, barang dan perkhidmatan – walaupun ia dengan sendirinya sangat bermanfaat – telah meningkatkan kemungkinan pengelakan dan pelarian cukai dan oleh yang demikian menghendaki peningkatan kerjasama dalam kalangan pihak berkuasa cukai;

Mengalu-alukan pelbagai usaha yang dibuat dalam tahun-tahun kebelakangan ini untuk memerangi pengelakan dan pelarian cukai pada peringkat antarabangsa, sama ada secara dua hala atau pelbagai hala;

Mengambil kira bahawa usaha yang terselaras antara Negara-Negara perlu untuk menggalakkan semua bentuk bantuan tadbir dalam perkara berkenaan dengan apa-apa jenis cukai sementara pada masa sama memastikan perlindungan yang mencukupi hak-hak pembayar cukai;

Mengiktiraf bahawa kerjasama antarabangsa boleh memainkan peranan penting dalam memudahkan penentuan liabiliti cukai yang betul dan dalam membantu pembayar cukai untuk menjamin hak-haknya;

Mengambil kira bahawa prinsip-prinsip asas yang memberikan hak atas tiap-tiap orang untuk mempunyai hak dan kewajipannya ditentukan mengikut tatacara undang-undang yang betul harus diiktiraf sebagai terpakai bagi perkara cukai di semua Negara dan Negara-Negara itu harus berusaha untuk melindungi kepentingan yang sah pembayar cukai, termasuk perlindungan yang sesuai terhadap diskriminasi dan cukai dua kali;

Meyakini bahawa Negara-Negara harus menjalankan langkah-langkah atau membekalkan maklumat, dengan mengambil perhatian mengenai keperluan untuk melindungi kerahsiaan maklumat, dan mengambil kira surat cara antarabangsa bagi perlindungan privasi dan aliran data peribadi;

Mengambil kira bahawa persekitaran kerjasama yang baharu telah muncul dan adalah sebaik-baiknya bahawa suatu surat cara pelbagai hala dijadikan tersedia untuk membenarkan sebanyak-banyaknya negara untuk memperoleh faedah daripada

persekitaran kerjasama yang baharu itu dan pada masa yang sama melaksanakan standard kerjasama antarabangsa yang paling tinggi dalam bidang cukai;

Berhasrat untuk membuat suatu konvensyen mengenai bantuan tadbir bersama dalam perkara cukai,

Telah bersetuju seperti yang berikut:

Bab I – Skop Konvensyen

Perkara 1 – Matlamat Konvensyen dan orang yang diliputi

1. Pihak-Pihak hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Bab IV, memberikan bantuan tadbir kepada satu sama lain dalam perkara cukai. Bantuan itu boleh melibatkan, jika sesuai, langkah-langkah yang diambil oleh badan kehakiman.
2. Bantuan tadbir tersebut hendaklah merangkumi:
 - a. pertukaran maklumat, termasuk pemeriksaan cukai serentak dan penyertaan dalam pemeriksaan cukai luar negara;
 - b. bantuan dalam mendapatkan balik, termasuk langkah-langkah pemuliharaan; dan
 - c. penyampaian dokumen.
3. Suatu Pihak hendaklah memberikan bantuan tadbir sama ada orang yang terjejas itu ialah pemastautin atau rakyat suatu Pihak atau mana-mana Negara lain.

Perkara 2 – Cukai yang diliputi

1. Konvensyen ini hendaklah terpakai:
 - a. bagi cukai yang berikut:
 - i. cukai atas pendapatan atau keuntungan,

- ii. cukai atas laba modal yang dikenakan secara berasingan daripada cukai atas pendapatan atau keuntungan,
 - iii. cukai atas kekayaan bersih,

yang dikenakan bagi pihak suatu Pihak; dan
- b. bagi cukai yang berikut:
- i. cukai atas pendapatan, keuntungan, laba modal atau kekayaan bersih yang dikenakan bagi pihak subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan suatu Pihak,
 - ii. caruman keselamatan sosial wajib yang kena dibayar kepada kerajaan umum atau kepada institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan di bawah undang-undang awam, dan
 - iii. cukai dalam kategori lain, kecuali duti kastam, yang dikenakan bagi pihak suatu Pihak, iaitu:
 - A. harta pusaka, pewarisan atau cukai hadiah,
 - B. cukai atas harta tak alih,
 - C. cukai penggunaan am, seperti cukai nilai tambah atau jualan,
 - D. cukai tertentu atas barang dan perkhidmatan seperti cukai eksais,
 - E. cukai atas penggunaan atau pemilikan kenderaan bermotor,
 - F. cukai atas penggunaan atau pemilikan harta alih selain kenderaan bermotor,
 - G. apa-apa cukai yang lain;
 - iv. cukai dalam kategori yang disebut dalam subperenggan iii. di atas yang dikenakan bagi pihak subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan suatu Pihak.
2. Cukai yang sedia ada yang baginya Konvesyen ini hendaklah terpakai disenaraikan dalam Lampiran A dalam kategori yang disebut dalam perenggan 1.